

**SEGITIGA PERTUMBUHAN SINGAPURA-JOHOR-RIAU
(SIJORI): SATU KAJIAN MENGENAI MASALAH SERTA
FAKTOR-FAKTOR YANG MENYUMBANG KEPADA
· PEMBANGUNANNYA SEBAGAI KERJASAMA
EKONOMI WILAYAH KECIL**

MOHD ALI MOHD DERUS

**FAKULTI SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
1997**

**HF
1359
M697
1997**

**SEGITIGA PERTUMBUHAN SINGAPURA-JOHOR-RIAU
(SIJORI): SATU KAJIAN MENGENAI MASALAH SERTA
FAKTOR-FAKTOR YANG MENYUMBANG KEPADA
PEMBANGUNANNYA SEBAGAI KERJASAMA EKONOMI
WILAYAH KECIL**

P.KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK

UNIMAS



1000246045

MOHD ALI MOHD DERUS

Latihan Ilmiah ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada
syarat-syarat pengijazahan Sarjanamuda Sains Sosial (Kajian
Antarabangsa) Dengan Kepujian (SmSS).

**FAKULTI SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
1997**

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya, maka penulisan latihan ilmiah ini dapat dihasilkan dengan jayanya.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada En. Tan Kock Wah sebagai penyelia, yang banyak memberi bimbingan, teguran dan cadangan yang berguna ketika menyediakan penulisan ilmiah ini.

Penghargaan juga diberikan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penulisan ini. Segala sumbangan, tunjuk ajar, teguran yang diberikan akan tetap disanjung dan tidak akan dilupakan.

Ucapan terima kasih juga kepada saudara En Mohd. Firdaus Abdullah, Roslan Pakon, saudara Marzukee Ghulam Khan, Rozaidi dan tidak lupa kepada En Saipul Bahari yang banyak menyumbangkan idea-idea yang bernas, tenaga, peralatan dan sebagainya. Semoga sumbangan mereka ini akan mendapat ganjaran di hari kemudian.

Akhir sekali, saya rakamkan setinggi-tinggi penghargaan ini kepada keluarga yang tercinta dan rakan-rakan khasnya Cik Nurul Huda yang telah banyak memberi dorongan dan sentiasa mendoakan saya untuk terus berjaya. Segala dorongan dan doa kalian tidak saya lupakan buat selama-lamanya.

Sekian, Wasalam

ABSTRAK

Integrasi ekonomi dunia pada hari ini telah menjadi semakin global dan tanpa had sempadan. Pelbagai bentuk kerjasama ekonomi serantau telah diwujudkan oleh negara-negara di dunia ini bagi memantapkan lagi integrasi ekonomi. Salah satu bentuk kerjasama ekonomi yang sering diperbincangkan sejak akhir-akhir ini ialah pembentukan konsep Segitiga Pertumbuhan. Kemunculan konsep Segitiga Pertumbuhan ini merupakan satu fenomena yang masih baru di Asia Tenggara. Latihan ilmiah ini bertujuan untuk menganalisis fenomena tersebut. Pembentukan Segitiga Pertumbuhan SIJORI yang meliputi Singapura, Johor (Malaysia) dan wilayah kepulauan Riau (Indonesia) menjadi tumpuan kajian ini. Pengkaji cuba mengupas faktor-faktor yang menyumbangkan kepada kejayaan pembangunan Segitiga Pertumbuhan tersebut serta mengutarakan beberapa masalah yang timbul di dalam perlaksanaannya. Beberapa faktor telah dikenalpasti sebagai penyumbang kepada kejayaan kepada pembangunan Segitiga Pertumbuhan SIJORI. Antaranya ialah keperluan kepada ekonomi yang saling melengkapi, kedudukan geografi yang berhampiran, wujudnya hubungan sejarah dan etnik, kemudahan infrastruktur, peranan pihak swasta dan wujudnya iltizam politik dari ketiga-tiga kerajaan negara yang terlibat. Idea pembentukan Segitiga Pertumbuhan SIJORI ini dikatakan sebagai salah satu jalan penyelesaian untuk mengatasi kelembapan pergerakan beberapa kerjasama ekonomi di kalangan negara anggota ASEAN yang pernah wujud sebelum ini. Di samping itu, pembentukan Segitiga Pertumbuhan ini dilihat sebagai satu rangka kerja yang efektif untuk mengimbangi halangan-halangan yang wujud di

dalam kerjasama ekonomi dan seterusnya dapat membina faedah bandingan berdasarkan aspek-aspek unik yang wujud di dalam kawasan-kawasan yang terlibat. Walaupun kejayaan pertumbuhan Segitiga Pertumbuhan Sijori ini dilihat sebagai pemangkin kepada pembentukan Segitiga Pertumbuhan di kawasan lain di rantau ini, namun sokongan dan komitmen yang tinggi oleh pihak kerajaan dan swasta adalah penting dalam usaha untuk memastikan kejayaan kerjasama ekonomi di wilayah Segitiga Pertumbuhan tersebut. Campurtangan kedua-dua pihak ini pada peringkat yang betul pasti dapat mempercepatkan lagi pembangunan ekonomi serta integasi wilayah.

ABSTRACT

The integration of the world economy has become increasingly global and borderless. Various types of regional economic co-operation are formed globally to achieve regional integration. Although still a relatively new conceptualisation in the South East Asian region as a form of sub-regional economic co-operation has received much attention recently in the region is the Growth Triangle concept. Thus, the study seeks to throw some lights on this phenomenon, by focusing on the formation of the Singapore, Johore (Malaysia) and the Riau Islands province Growth Triangle (SIJORI). The study also purports to identify the factors that contribute to the success of its development and discussed various problems that arise on its implementation. Various factors have been identified contributing to the success of the SIJORI Growth Triangle, i.e., economic complimentarity, geographical approximation, historical and ethnic ties, good infrastructure, the positive role of private sectors and the resoluteness (political will) of all parties involved. The formation of the SIJORI Growth Triangle is commonly seen as a stimulus to steer along the development of other existing economic co-operations especially those amongst the members of the ASEAN countries. Besides, the Growth Triangle could also be important in offsetting obstacles that commonly hampers economic co-operation among member countries and helps member countries to better capitalise on their comparative advantages. While the success of the SIJORI Growth Triangle is seen as stimulus to the formation of other Growth Triangle in the region, strong support and commitment, both from the governments and private sectors concerned however, are crucial to ensure its ultimate success. Judicious interventions both from governments and private sectors

can help accelerate the achievement of both, economic development as well as regional integration.

KANDUNGAN

PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iv
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI SINGKATAN PERKATAAN	xi
PETA	xiii
BAB 1: PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Kenyataan Masalah	6
1.3 Objektif Kajian	9
1.4 Matlamat Kajian	9
1.5 Skop Kajian	10
1.6 Metodologi Kajian	11
1.6.1 Penggunaan Bahan-bahan Sekunder	11
1.6.2 Temubual	13
1.7 Rangka Teori	13
1.8 Kajian Lepas	17
1.9 Batasan Kajian	22

BAB 2: SENARIO EKONOMI DUNIA HARI INI; KERJASAMA EKONOMI SERANTAU DAN SEGITIGA PERTUMBUHAN	24
2.1 Senario Ekonomi Dunia Hari ini	24
2.2 Kerjasama Ekonomi Serantau	27
2.2.1 Jenis Kewujudan Kerjasama Serantau	32
2.2.2 Impak Kerjasama Serantau	36
2.2.3 Kerjasama Ekonomi Serantau; Masalah dan Isu	41
2.3 Konsep Segitiga Pertumbuhan	44
2.3.1 Pengalaman Segitiga Pertumbuhan Lain	48
2.3.2 Keperluan Segitiga Pertumbuhan Di Asia Tenggara	51
BAB 3: KONSEP DAN ASAS PEMBANGUNAN SEGITIGA PERTUMBUHAN SINGAPURA-JOHOR-RIAU (SIJORI)	59
3.1 Konsep Segitiga Pertumbuhan	59
3.2 Asas Pembangunan Segitiga Pertumbuhan SIJORI	61
3.3 Matlamat Pembangunan Segitiga Pertumbuhan SIJORI	69
3.4 Pembangunan Di dalam Rantau Segitiga Pertumbuhan SIJORI	75
3.4.1 Singapura	75

3.4.2 Johor	84
3.4.3 Riau	90
BAB 4: FAKTOR-FAKTOR PENENTU KEJAYAAN PEMBANGUNAN SEGITIGA PERTUMBUHAN SIJORI DAN MASALAH-MASALAH YANG TIMBUL	96
4.1 Faktor-faktor Yang Menentu Kejayaan Penumbuhan Segitiga Perumbuhan SIJORI	96
4.1.1 Ekonomi Yang Saling Melengkapi	96
4.1.2 Kedudukan Geografi Yang Berhampiran	98
4.1.3 Pembangunan Infrastruktur	100
4.1.4 Faktor Sejarah, Hubungan Etnik dan Budaya	102
4.1.5 Fungsi Sektor Swasta	104
4.1.6 Iltizam Politik dan Penyelarasian Dasar	105
4.2 Masalah Yang Wujud Di dalam Perlaksanaan Segitiga Pertumbuhan SIJORI	107
4.2.1 Masalah Perlaksanaan	107
4.2.2 Masalah Politik	113
4.2.3 Masalah Sosial	118

BAB 5: KESIMPULAN	124
5.1 Prospek Kerjasama Segitiga Pertumbuhan SIJORI	124
5.2 Kesimpulan	128
BIBLIOGRAFI	134

SENARAI JADUAL


Jadual	Muka Surat
2.1 Perbandingan Kerjasama Ekonomi Serantau	31
2.2 Asia Timur: Perdagangan Intra-Regional	40
2.3 Indikator Asas Bagi Pertumbuhan Segitiga Selatan China	50
2.4 Pelaburan Asing Di ASEAN	52
2.5 Arah Aliran Perdagangan ASEAN 1985-1990	58
3.1 Data Asas Bagi Segitiga Pertumbuhan Singapura-Johor-Riau	62
3.2 Kadar Pertumbuhan Tahunan Bagi GDP Sebenar dan GDP Per Kapita Sebenar Singapura	79
3.3 Projek Pembuatan Yang Diluluskan 1986-1990 dan 1991-1995	90
3.4 Batam: Jumlah Pelancongan Asing 1993	94
4.1 Penguasaan Pelbagai Aspek Oleh Setiap Kaum	103

SENARAI SINGKATAN KATA

AEM	-	ASEAN Economic Ministers
AFTA	-	ASEAN Free Trade Area
AIC	-	ASEAN Industrial Complementation
AIJV	-	ASEAN Industrial Join Venture
APEC	-	ASIA Pacific Economic Committee
ASEAN	-	Association of South East Asian Nation
BIDA	-	Batam Industrial Development Authority
CACM	-	Central American Common Market
CEAO	-	Communaute Economique de l'Afrique de l'Quest
CEPT	-	Common Effective Preferential Tariff
CUSTA	-	Canada-United States Free Trade Agreement
EAC	-	East African Community
ECOWAS	-	Economic Community of West African States
EC	-	European Community
EEA	-	European Economic Area
EEC	-	European Economic Community
EFTA	-	European Free Trade Area
EPZ	-	Export Processing Zone

GATT	-	General Agreement on Tariff and Trade
IMF	-	International Monetary Fund
IMT-GT	-	Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle
KDNK	-	Keluaran Dalam Negara Kasar
KNK	-	Keluaran Negara Kasar
LAIA	-	Latin America
LAFTA	-	Latin America Free Trade Area
MIDA	-	Malaysia Industrial Development Authority
MITI	-	Ministry of International Trade and Industry
NIB	-	Negara-Negara Industri Baru
NSM	-	Negara Sedang Membangun
PBB	-	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PKENJ	-	Perbadanan Kemajuan Negeri Johor
PTA	-	Preferential Trading Agreement
RM	-	Ringgit Malaysia
Rp	-	Rupiah
SAARC	-	South East Asia Research Co-operation
SIJORI	-	Singapura-Johor-Riau
WTO	-	World Trade Organisation

PETA
KAWASAN SEGITIGA PERTUMBUHAN SINGAPURA-JOHOR-
RIAU (SIJORI)



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pembangunan ekonomi memainkan peranan yang penting di dalam usaha membangunkan sesebuah negara. Terdapat pelbagai langkah telah diambil oleh negara-negara di dunia untuk membangunkan ekonomi masing-masing. Sektor perindustrian adalah sektor yang telah diberi perhatian yang khusus oleh kebanyakan negara sebagai langkah untuk membangunkan ekonomi. Ini jelas bila mana negara-negara di dunia berlumba-lumba mengurangkan kebergantungan kepada sektor komoditi dan menumpukan perhatian kepada pembangunan perindustrian. Malahan konsep globalisasi yang mencerminkan pelbagai corak perubahan yang telah dan akan mewujudkan pelbagai kesan ke atas ekonomi dunia mendorong negara-negara khasnya negara Dunia Ketiga untuk mencapai taraf negara perindustrian.

Istilah globalisasi lebih ditonjolkan kerana ianya dianggap sebagai proses yang menyelaraskan arah aliran pelaburan modal, teknologi, perkhidmatan antara negara selain daripada perdagangan barang. Keadaan ini secara langsung atau tidak, menunjukkan sesebuah negara itu terpaksa meningkatkan daya saingnya di peringkat antarabangsa jika ingin meluaskan pasarananya. Jika kita tinjau dengan lebih mendalam, istilah globalisasi mencerminkan hubungan ekonomi yang tidak setara di antara negara maju dengan negara Dunia Ketiga. Malahan ada yang mencerminkannya sebagai eksloitasi dan cengkaman ekonomi oleh negara-negara

maju ke atas negara Dunia Ketiga. Manifestasinya nyata, apabila kita melihat manipulasi negara-negara yang maju ke atas negara mundur melalui perdagangan di antara kedua blok tersebut. Selain strategi perdagangannya, negara-negara maju melalui syarikat multinasionalnya serta penjualan teknologinya sentiasa mencari jalan untuk memperkuatkan lagi kedudukan ekonominya dan kepentingan masing-masing tanpa mengira implikasinya ke atas negara Dunia Ketiga. Ringkasnya perubahan-perubahan yang dianggap sebagai satu proses globalisasi sebenarnya memaparkan ciri-ciri yang cenderung menjelaskan kedudukan ekonomi negara Dunia Ketiga, lalu menghalang potensi mereka untuk mengambil bahagian dalam perdagangan antarabangsa (Anuwar, 1995).

Namun demikian keadaan tersebut tidaklah statik dan berterusan. Ini kerana sejak kebelakangan ini kemunculan Asia Pasifik sebagai rantau pertumbuhan yang cergas yang dipimpin oleh negara-negara industri baru (NIB) seperti Korea Selatan, Taiwan dan Singapura telah mencabar dan menggugat keunggulan negara-negara Barat dalam beberapa sektor industri.

Walau bagaimanapun, apa yang lebih membimbangkan, ialah negara-negara maju bertindak untuk menjaga kepentingannya dan pengaruhnya dalam perdagangan antarabangsa. Sebarang tindakannya pasti mempengaruhi struktur perdagangan tersebut. Kesatuan Eropah (EC) sebagai contoh, telah melaksanakan strategi bagi memantapkan kerjasama negara anggota untuk melindungi pasaran Kesatuan tersebut dari persaingan luar. Amerika Syarikat, Kanada dan Mexico telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan Kawasan Pasaran Bebas Amerika Utara (NAFTA) untuk tujuan yang sama.

Perubahan-perubahan seperti ini sudah pasti mendatangkan impak yang mendalam ke atas ekonomi negara Dunia Ketiga termasuklah negara-negara Asia yang mempunyai potensi yang tinggi untuk bersaing dengan negara yang maju. Sebenarnya tindakan dan strategi oleh negara maju mempunyai pengaruh dalam mengubah sistem perdagangan dunia. Tindakan ini seolah-olah untuk melemahkan potensi dan perkembangan khasnya sektor industri negara Dunia Ketiga. Di samping itu mereka berusaha melindungi industri-industri tempatan yang sebahagian daripadanya telah kehilangan daya saing. Dengan strategi ini eksport barang pembuatan dari negara Dunia Ketiga khasnya dari rantau Asia akan menerima banyak rintangan untuk menembusi pasaran negara maju.

Oleh yang demikian negara Dunia Ketiga yang kebanyakannya terdiri daripada negara-negara di rantau Asia harus mencari inisiatif dan mengorak langkah untuk memaju dan mengeratkan kerjasama ekonomi serantau di kalangan mereka agar tidak sewenang-wenangnya dieksplotasi oleh konsep globalisasi negara maju. Dalam hal ini kebanyakan negara di rantau Asia Tenggara yang dikatakan berpotensi tinggi sebagai nadi penggerak utama kepada perdagangan dunia malahan juga berpotensi untuk menarik pelabur asing, tidak ketinggalan untuk mengorak langkah ke arah kerjasama serantau di kalangan negara anggotanya serta meliputi kawasan Asia yang lebih luas potensinya.

Kerjasama serantau tidak dapat dinafikan menjadi satu keperluan pada akhir abad ini. Malahan bertambah penting menjelang abad ke-21. Pelbagai kesan positif yang dapat dilihat daripada pembentukan kerjasama serantau ini. Selain daripada

mengeratkan integrasi ekonomi dan menjadi pelengkap antara satu sama lain, kerjasama ini juga dapat menyelesaikan beberapa masalah serantau yang masih belum selesai seperti tuntutan sempadan, keselamatan dan sebagainya. Namun begitu, negara-negara di rantau Asia Tenggara ini khasnya negara-negara anggota ASEAN perlu memahami keperluan dan kedudukan diri mereka sendiri. Negara-negara anggota sepatutnya sedar jika perjuangan dilakukan secara bersendirian sudah pasti tidak akan dilayani di peringkat antarabangsa. Jika Kesatuan Eropah (EC) dan NAFTA dapat bersatu hati di kalangan negara-negara anggotanya serta berupaya mengubah sistem perdagangan dunia, mengapa tidak negara-negara ASEAN?

Apakah negara-negara sebelah rantau ini tidak mahu mewujudkan satu bentuk kesatuan yang mempunyai kedudukan yang sama tinggi dengan kesatuan-kesatuan yang ditubuhkan oleh negara-negara maju serta boleh mewujudkan kestabilan serantau dalam semua aspek? Cita-cita ini sebenarnya tidak mustahil berlaku sekiranya negara-negara di rantau Asia Tenggara mempunyai komitmen yang tinggi dalam kerjasama serantau khasnya dalam sektor ekonomi.

Sekiranya disingkap semula sejarah awal pertumbuhan ASEAN, didapati pertumbuhan itu mempunyai rekod yang buruk dalam usaha mempromosi kerjasama ekonomi serantau. Walaupun beberapa usaha telah dijalankan untuk merealisasikan hakikat tersebut seperti pembentukan *Preferential Trading Arrangement* (PTA) yang dilancarkan pada tahun 1977, *Asean Industrial Complementation* (AIC) pada tahun 1981 dan *Asean Industrial Join Venture* (AIJV) pada tahun 1983, namun komitmen daripada pihak-pihak yang terlibat tidak dilakukan secara jujur (Devan,

1994). Sebagai contoh, PTA diperkenalkan untuk mengurangkan cukai ke atas barang terpilih negara-negara anggota dengan hasrat meningkatkan perdagangan antara ahli. Malangnya, pengecualian cukai hanya diberikan kepada barang yang dianggap tidak penting kepada ekonomi negara. Keseluruhan kerjasama ekonomi secara terbuka sukar untuk dilakukan dengan alasan untuk menjaga kepentingan kebangsaan dan politik. Malahan John Naisbitt menyatakan bahawa ASEAN tidak dapat mewujudkan kesatuan seperti Kesatuan Eropah kerana masih wujud sikap *self-interest* di kalangan anggotanya (Naisbitt, 1996).

ASEAN ternyata gagal mengambil peluang daripada kelebihan sumber yang ada padanya. Oleh itu tidak menghairankan perdagangan antara ASEAN masih pada tahap yang minimum. Prestasi baik ekonomi beberapa negara ASEAN seperti Malaysia, Singapura dan Indonesia yang melebihi 7% setahun antara dekad 70-an dan awal dekad 80-an hanya didorong oleh keupayaan sendiri dan bukanya disebabkan kerjasama antara negara-negara anggota (Dewan Masyarakat, Feb 1996).

Oleh yang demikian, untuk mengakhiri kelembapan kerjasama ekonomi serta untuk mengimplementasikan langkah awal kepada pembentukan kerjasama ekonomi serantau di kalangan negara-negara anggota ASEAN yang lebih utuh, maka idea penubuhan konsep Segitiga Pertumbuhan telah diketengahkan pada Sidang Kemuncak ASEAN ke-3 pada tahun 1987. Indonesia, Singapura dan Malaysia telah bersetuju untuk membentuk zon ekonomi kecil serantau yang dikenali sebagai Segitiga Pertumbuhan SIJORI yang meliputi Singapura, Johor (Malaysia) dan Kepulauan Riau (Indonesia)

1.2 Kenyataan Masalah

Kerjasama ekonomi serantau telah banyak diperbincangkan oleh ahli-ahli ekonomi dan para ilmuan dalam dekad 90-an ini. Keperluan kerjasama di antara satu negara dengan negara yang lain dalam bidang ekonomi telah menjadi satu fenomena yang lazim. Kerjasama ini sama ada dalam bentuk formal atau pun tidak formal.

Kewujudan beberapa kawasan Segitiga Pertumbuhan di rantau Asia yang merupakan salah satu bentuk kerjasama serantau, telah menunjukkan satu pencapaian yang sangat menggalakkan. Sebagai contoh ialah *Greater South China Economic Zone* yang meliputi Hongkong/Machau-Taiwan-Guandong dan Fujian. Kerjasama serantau ini telah menguntungkan semua pihak yang terlibat. Guandong telah mencatat eksport sebanyak US\$13 bilion pada tahun 1991 yang merupakan 20% daripada jumlah eksport China bagi tahun yang sama. Pelaburan daripada Hong Kong di Wilayah Guandong dan Fujian adalah bernilai US\$26.5 bilion pada tahun 1991. Guandong mencatatkan 35-40% daripada keseluruhan pelaburan asing di China. Keadaan ini menjadikan Guandong sebagai provinsi yang paling kaya dan paling dinamik di China dengan pendapatan perkapitanya melebihi US\$600 iaitu melebihi purata kebangsaan dan KNKnya berkembang pada kadar 2 digit serta sektor perkilangannya merupakan 40% daripada KNKnya (Ariff, 1993). Di samping itu pelaburan dua hala antara China dan Hong Kong dikatakan berjumlah US\$50 bilion dalam tahun 1991 (Chan, 1993).

Disebabkan kejayaan yang dicapai oleh ketiga-tiga negara itu melalui konsep Segitiga Pertumbuhan di dalam *Greater South China Economic Zone*, maka minat negara-negara kepada gagasan Segitiga Pertumbuhan semakin meningkat. Beberapa

Segitiga Pertumbuhan telah muncul di kawasan Asia Tenggara ini dan salah satunya yang bergerak cergas ialah Segitiga Pertumbuhan Singapura-Johor-Riau (SIJORI).

Kalau kita lihat secara logik pembentukan *Greater South China Economic Zone* yang meliputi Tanah Besar China, Hong-Kong dan Taiwan itu, selain bermatlamatkan kerjasama ekonomi, penubuhannya adalah untuk mengurangkan kemelut politik dan konflik yang berlaku di antara tiga kawasan tersebut. Taiwan berusaha untuk memperolehi kedaulatan negaranya sendiri dan oleh itu, menghadapi pelbagai ancaman ketenteraan daripada Tanah Besar China, manakala Hong-Kong akan menjadi sebahagian daripada wilayah tetap China apabila kerajaan Britain menyerahkannya semula menjelang tahun 1997.

Menurut teori liberal hubungan antarabangsa, pertumbuhan ekonomi yang saling bergantung dapat mengurangkan penggunaan kuasa ketenteraan dalam hubungan antarabangsa. Menurut pandangan teori ini, semua aktiviti yang berbentuk ekonomi transnasional, termasuk Segitiga Pertumbuhan, mempunyai potensi untuk mempromosi keamanan dalam hubungan antara-negara (*inter-state*) (Keohane dan Nye, 1977).

Idea Segitiga Pertumbuhan ini merupakan konsep yang mudah iaitu menggabungkan tiga kawasan yang mempunyai perbezaan faktor penganugerahan dan perbezaan faedah bandingan untuk membentuk satu wilayah yang lebih luas potensinya. Di samping itu pembentukan Segitiga Pertumbuhan ini dapat beroperasi sebagai pelengkap di antara satu dengan yang lain dan bukanya untuk mewujudkan persaingan antara kawasan yang terlibat. Oleh yang demikian pembentukan Segitiga Pertumbuhan SIJORI ini adalah satu jalan yang penting sebagai pemangkin kepada

kerjasama serantau. Ini jelas apabila John Naisbitt (1996), memetik daripada Presiden Filipina Fidel Ramos sebagai berkata,

The Growth triangle has taken hold because it is a controlled experiment in regional co-operation whose adverse effects, if any, can be limited to the triangle, but whose beneficial results can subsequently be applied to the national economic as a whole. It offers the benefits of regional integration without great loss of economic sovereignty.

Oleh kerana itu, kajian ini cuba meninjau apakah faktor-faktor yang mendorong kepada kejayaan pembagunan Segitiga Pertumbuhan SIJORI yang merupakan satu strategi baru bagi ASEAN, sebagai pemangkin kepada kerjasama serantau khasnya dalam bidang ekonomi, yang sebelum ini hanya mencapai tahap yang minimum. Keadaan ini jelas bilamana Holloway (1991), menyatakan:

This triangle is important for ASEAN because it illustrates an obvious point, small plan are much more likely to succeed than big one, pipe dream to integrate the economics of all six members (now seven) of the grouping are doomed to failure because they are too ambitious.

Kajian ini juga di lihat sebagai penting kerana ketiga-tiga negara yang terlibat di dalam pembentukan Segitiga Pertumbuhan SIJORI ini pernah menghadapi konflik perebutan sempadan. Singapura dan Indonesia terlibat di dalam pertelingkahan menuntut hak kedaulatanya terhadap pulau Pedra Branca manakala Malaysia dan Indonesia pula bertelingkah mengenai perebutan kepulauan Sipadan dan Ligitan (Acharya, 1995). Oleh yang demikian dengan pembentukan Segitiga Pertumbuhan SIJORI ini pengkaji cuba mengaitkan sejauh manakah penubuhannya dapat mengurangkan ketegangan ketiga-tiga negara ini ke atas tuntutan-tuntutan tersebut.

1.3 Objektif Kajian

Segitiga Pertumbuhan SIJORI mempersembahkan satu konsep baru dan inovatif sebagai pemangkin kepada pembentukan kerjasama ekonomi serantau. Secara konsepnya, gagasan Segitiga Pertumbuhan ini kelihatan begitu menarik dan memberangsangkan tetapi apakah prospeknya dapat memberikan satu kepentingan kepada realiti kerjasama ekonomi serantau. Beberapa objektif kajian ini disenaraikan seperti berikut:

1. Objektif utama kajian ini ialah untuk melihat faktor-faktor yang mendorong kejayaan pembangunan Segitiga Pertumbuhan SIJORI yang menyumbangkan kepada kerjasama serantau yang lebih erat khasnya dalam sektor ekonomi;
2. Selain daripada objektif utama yang dinyatakan itu, kajian ini juga cuba melihat masalah-masalah dan kesan-kesan daripada penubuhan Segitiga Pertumbuhan SIJORI ke atas ketiga-tiga kawasan yang terlibat; dan
3. Kajian ini juga ingin melihat sejauh manakah pembangunan yang telah dicapai oleh ketiga-tiga kawasan yang terlibat dalam konsep Segitiga Pertumbuhan ini;

1.4 Matlamat Kajian

Matlamat kajian ini ialah untuk mengenalpasti faktor-faktor penting yang menentukan kejayaan pembangunan ke atas pembentukan Segitiga Pertumbuhan SIJORI. Selain itu, untuk menghasilkan satu penelitian yang komprehensif sama ada gagasan Segitiga Pertumbuhan ini mendatangkan faedah atau sebaliknya, sebagai pemangkin kepada kerjasama serantau khasnya dalam bidang ekonomi.